

KEPERLUAN HAFAZAN HADITH DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH TAHFIZ: PANDANGAN GURU-GURU AGAMA DI KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

Nadia Farhana Mohd Saidi

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

nadiasmohd@gmail.com

Asyraf Isyraqi Jamil

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Abstrak: Menelusuri arus pendidikan negara, pengajian tafsir didapati semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berwajib bagi memastikan pendidikan tafsir ini mencapai kualiti tertentu agar berjaya melahirkan lebih ramai aset negara. Kajian ini merupakan satu bentuk usaha menambahbaik kurikulum pendidikan tafsir sedia ada melalui analisis tentang keperluan dan kepentingan hafazan hadith kepada pelajar tafsir. Untuk tujuan itu, kajian ini berusaha membincangkan aspek hafazan hadith melalui sorotan literatur dan kajian kuantitatif. Satu tinjauan telah dijalankan kepada 210 orang guru agama di 26 buah sekolah tafsir di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Instrumen soal selidik yang terdiri daripada 6 item merangkumi kepentingan hafazan hadith telah dibina bagi mendapatkan pandangan responden. Dapatkan kajian ini menunjukkan hasil yang amat positif, di mana lima daripada enam item telah dinilai dengan persetujuan yang sangat tinggi serta dapat diinterpretasikan sebagai “amat perlu”. Dua item yang dinilai paling tinggi adalah berorientasikan junjungan Nabi Muhammad s.a.w iaitu untuk menghayati keperibadian dan mendorong pelajar untuk kasih kepada baginda. Hasil positif kajian ini dapat diimplikasikan sebagai asas dan idea awal kepada kajian lanjutan mengenai hafazan hadith kepada pelajar tafsir. Kajian ini yang hanya tertumpu kepada institusi tafsir swasta di Kuala Lumpur dan Putrajaya, mencadangkan agar kajian lanjutan diadakan di lokasi-lokasi lain yang mempunyai sejarah dan perkembangan bidang tafsir yang cemerlang dan signifikan seperti Terengganu dan Kelantan bagi memperolehi daptan yang lebih dinamik dan meluas.

Kata Kunci: Pendidikan Tafsir, Pelajar Sekolah Tafsir, Hafazan Hadith, Guru Agama.

Pengenalan

Statistik daripada Kementerian Pendidikan menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 1,347 buah sekolah tafsir di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 886 buah sekolah adalah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Negeri (Portal Maklumat Pendidikan Islam, 2019). Bilangan ini pula semakin bertambah dari semasa ke semasa. Pertambahan ini pastinya selari dengan permintaan masyarakat yang menunjukkan betapa pendidikan tafsir ini semakin mendapat sambutan dan diminati ramai. Pendidikan tafsir kini dapat dilihat telah berkembang merangkumi pelbagai peringkat dan aliran pendidikan.

Kajian ini pada peringkat awal telah cuba meneliti realiti pendidikan tafsir di Malaysia pada hari ini namun telah mendapati ketiadaan elemen hadith sebagai satu jurang yang perlu diisi bagi memantapkan lagi sistem pendidikan tafsir yang sedia ada. Tidak dapat dinafikan hadith adalah sumber kedua terpenting dalam kehidupan umat Islam selepas al-Quran. Menurut pendapat oleh al-Imam Muhammad ibn Idris al-Shafi'i (meninggal 204H), ilmu hadith sangat berkait rapat dengan al-Quran serta berperanan menjelaskan perkara-perkara umum dan kabur di dalam al-Quran. Justeru sebagaimana pendidikan al-Quran ditekankan kepentingannya, ilmu hadith juga wajar diambil kira peranannya untuk disampaikan kepada masyarakat umum.

Idea penambahan pembelajaran ilmu hadith ke dalam kurikulum pelajar tafsir ini juga dirasakan tidak lengkap tanpa elemen hafazan. Melalui penelitian pada pedagogi Islam secara umum, teknik hafazan

didapati sebagai satu elemen yang amat ditekankan (Yusuf, 2010; Sabki dan Hardaker, 2013). Antara kelebihan lain hafazan hadith juga adalah merupakan amalan para *salaf as-salih* serta merupakan satu bentuk usaha menghayati dan membentuk penguasaan ilmu dan kefahaman sumber kedua perundangan Islam (Muhammad Arief, Mohd Khairul Nazin & Ahmad Yunus, 2017). Mereka bukan sahaja mengkaji dan memahami isi kandungan hadith, bahkan juga turut menghafal dan menjaga hadith-hadith yang dipelajari di dalam ingatan mereka. Hafazan hadith dapat dilihat sebagai satu bentuk usaha penjagaan dan pemeliharaan hadith yang mempunyai kedudukan amat istimewa di sisi umat Islam. Selain itu, tradisi hafazan hadith juga merupakan satu usaha menghayati dan membentuk penguasaan ilmu dan kefahaman sumber kedua perundangan Islam ini.

Usaha menambah baik nilai pendidikan tahniz di Malaysia telah membuatkan pelbagai modul, prinsip dan kaedah melalui perbahasan dan kajian. Namun yang didapati daripada sorotan kajian-kajian lepas, penumpuan hanyalah diberikan kepada aspek hafazan al-Quran semata-mata. Penumpuan kepada hafazan al-Qur'an tidak seharusnya mengurangkan kepedulian terhadap al-Sunnah atau dengan kata lain terhadap hadith-hadith Nabi SAW, sedangkan hubungan al-Qur'an dengan hadith adalah sangat kuat. Ilmu hadith seolah-olah merupakan jambatan untuk memahami al-Quran dan hendaklah dikuasai bagi mewujudkan penghayatan yang mendalam dan menyeluruh dengan al-Quran.

Kajian ini secara umumnya cuba menggariskan keperluan dan kepentingan hafazan hadith untuk bergerak seiring dengan hafazan al-Quran. Dalam meneliti isu-isu berkaitan hafazan hadith dan pelajar sekolah tahniz, kajian ini secara khususnya cuba meninjau pendapat guru-guru agama berkenaan hafazan hadith dalam skop pelajar sekolah tahniz di Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi mengukuhkan lagi kurikulum pelajar sekolah tahniz yang sedia ada.

Pendidikan Tahniz di Malaysia

Pelbagai usaha telah dilakukan terutamanya daripada pihak kerajaan untuk menambah baik sistem pendidikan tahniz agar menjadi lebih sistematik, moden dan diiktiraf. Antaranya adalah usaha Kerajaan Persekutuan merangka Dasar Pendidikan Tahniz Negara (DPTN) yang bertujuan mencapai lima teras utama, iaitu memantapkan perundangan dan penguatkuasaan, mewujudkan model maahad tahniz, mewujudkan kurikulum pendidikan tahniz sesuai dengan arus pendidikan negara, memperkasa tadbir urus institusi tahniz dalam negara dan sistem pengiktirafan dan persijilan institusi tahniz (Dalia, 2018). Selari dengan usaha itu juga adalah penubuhan Majlis Tahniz Negara, yang berperanan sebagai jawatankuasa untuk menyelaras semua sekolah tahniz yang berdaftar bagi menjamin tahap keselamatan institusi tahniz dan menaik taraf aspek persijilan serta penarafan sekolah tahniz swasta (Mohd Anwar, 2018, Nurul Huda, 2019). Usaha-usaha seperti ini pastinya menjadikan institusi-institusi tahniz di Malaysia ini selangkah lebih dekat untuk mencapai tahap pendidikan kelas pertama dalam arus pendidikan negara.

Untuk mencapai matlamat itu, semestinya pembentukan kurikulum yang mantap amatlah penting. Justeru, usaha pembentukan model kurikulum melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahniz Negara (DPTN) adalah langkah tepat untuk memantapkan pendidikan tahniz di Malaysia. Menurut Siti Zubaidah dan Mohamad Naufal (2017), kurikulum tahniz yang dirangka adalah terdiri daripada empat model kurikulum iaitu Tahniz Turath, Tahniz Sains, Tahniz Dini dan Tahniz Kemahiran.

Zulkifli et. al. (2018) dalam kajian menyeluruh mengenai trend pendidikan tahniz masa kini telah memperincikan setiap satu kurikulum tahniz yang sedia ada. Zulkifli et. al. menjelaskan bahawa Tahniz Turath merujuk kepada pengajian tahniz beserta pengajian ilmu agama melalui kitab-kitab turath yang masih dikekalkan dan diwariskan kepada umat Islam pada hari ini beserta sanad. Tahniz Sains pula dikatakan tercetus melalui Program Ulul Albab yang berhasrat melahirkan pelajar huffaz yang cemerlang dan menguasai bidang sains, matematik, teknologi maklumat, kemahiran bersosialisasi dan bahasa asing. Justeru, tahniz sains memerlukan pelajar untuk menghafaz 30 juzuk al-Quran dan

mempelajari subjek sains tulen. Manakala Tahfiz Dini merupakan gabungan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (GBT). KBD mengandungi subjek dini (agama) seperti usuluddin, syariah, dan *adab wal balaghah* dan menggunakan bahasa Arab sebagai pengantar. GBT pula mengandungi dua subjek iaitu hafazan al-Quran dan maharat al-Quran iaitu ilmu berkaitan al-Quran seperti tilawah, tajwid, qiraat dan *rasm uthmani*. Tujuan gabungan ini adalah untuk melahirkan generasi yang menghafaz al-Quran serta menguasai ilmu al-Quran dan pendidikan Islam. Akhir sekali, kurikulum yang dilihat sebagai terbaru dalam pendidikan tahfiz iaitu Tahfiz Kemahiran, merujuk kepada pengajian tahfiz al-Quran bersama kursus kemahiran seperti pastri, katering, jahitan dan membaiki motosikal.

Pada dasarnya, pembentukan sesuatu kurikulum semestinya mempunyai tujuan tertentu. Bertepatan dengan falsafah pendidikan kebangsaan, kurikulum dibentuk agar pada akhirnya berjaya melahirkan pelajar tahfiz yang cemerlang dalam hafazan, menguasai ilmu-ilmu yang diterapkan sebaiknya, serta mempunyai akhlak yang mulia. Bagi mengelakkan pengajian tahfiz menjadi sejenis pengajian yang membebankan pelajar, para pendidik hendaklah bijak menentukan aspek ilmu yang perlu dikuasai secara lebih khusus bagi memantapkan kualiti seorang penghafaz al-Quran.

Jelasnya, hafazan al-Quran adalah teras utama dalam kurikulum pendidikan tahfiz. Penghayatan al-Quran yang sebenarnya itulah akan melahirkan penghafaz yang berkualiti. Namun, penumpuan kepada hafazan al-Qur'an tidak seharusnya mengurangkan perhatian terhadap hadith-hadith Nabi SAW, sedangkan hubungan keduanya adalah sangat rapat. Ilmu hadith seolah-olah merupakan penghubung kepada al-Quran dan penguasaannya bakal mewujudkan penghayatan yang mendalam dan menyeluruh dengan Al-Quran. Kajian ini yang mendapat kekurangan dari aspek ilmu hadith dalam pendidikan tahfiz di Malaysia cuba mengisi jurang ini dengan menggariskan keperluan dan keperluan hafazan hadith untuk bergerak seiring dengan hafazan al-Quran.

Pengajian Hadith di Malaysia dan Aspek Hafazan Hadith

Tinjauan oleh Fauzi, Ishak dan Faisal (2010) menelusuri pengajian hadith di Malaysia telah memberikan gambaran bahawa kedudukan hadith yang tinggi dalam syariat Islam telah mendorong ilmu hadith untuk tetap dipelajari dan menjadi sumber penghujahan walaupun pada mulanya ia berkembang dengan agak perlahan. Kepentingan hadith ini juga telah mendorong perkembangan yang pesat pada abad ke-19 di mana beberapa institusi-institusi yang menawarkan pengajian hadith secara formal telah mula diasaskan.

Terdapat lima institusi utama yang diperkenalkan Fauzi et. al. (2010) menawarkan pengajian iaitu Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling, Pusat Pengajian al-Quran Darul Kautsar (PPADK), Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI), Madrasah al-Quran Kubang Bujuk dan Dar al-'Ulum Li Ihya' Ulum al-Din di Langgar. Selain itu, pengkaji juga meninjau sistem pengajian hadith di pusat pengajian pondok, masjid dan surau serta di Institut pengajian tinggi. Institusi-institusi yang menawarkan pengajian hadith ini menggunakan pendekatan dan sistem yang tersendiri dalam menawarkan pengajian ilmu hadith. Penulis menyimpulkan bahawa perkembangan pengajian ilmu hadith di Malaysia adalah amat memberangsangkan sejak Islam tiba di Tanah Melayu. Namun, tidak dapat dinafikan penulisan dalam bidang Ulum Hadith masih dianggap kurang walaupun ada peningkatan berbanding era sebelumnya.

Dalam kalangan pusat pengajian hadith yang dikaji oleh Fauzi et. al. (2010), hanya tiga institusi yang mendedahkan metode hafalan hadith kepada pelajar iaitu Pondok Pengajian Kandis, Bachok Kelantan dan Dar al-'Ulum Li Ihya' Ulum al-Din di Langgar, Kedah dan Madrasah Miftahul 'Ulum Sri Petaling. Dinyatakan sistem pembelajaran hadith di Pusat Pengajian Pondok Kandis terdiri daripada enam perkara iaitu i) talaqqi, ii) mushafahah, iii) menadah kitab, iv) mengkhatamkan kitab iaitu membaca dari kulit ke kulit, v) menghafaz hadith dan vi) soal jawab. Metode hafazan dinyatakan berada pada turutan kelima namun tidak dijelaskan secara khusus. Bagi Dar al-'Ulum Li Ihya' Ulum al-Din di Langgar, Kedah pula, pelajar digalakkan untuk menghafal 1000 hadith daripada kitab hadith tertentu selepas

menamatkan pengajian beberapa buah kitab turath. Manakala di Madrasah Miftahul ‘Ulum pula, pelajar diwajibkan menghafaz beberapa hadith di beberapa peringkat pengajian seperti pada tahun kedua dan tahun kelapan sebagai bukti kepada kemampuan dan keilmuan mereka dalam bidang hadith (Mohd Army, 2011). Kajian oleh Qutrennada dan Ahmad Yunus (2015) yang meninjau sistem pengajaran dan pembelajaran hadith di Maahad Darul Hadith Alor Setar, Kedah juga ada mendapati institusi tersebut mendedahkan pelajar dengan hafazan hadith selama setahun sebelum menyelesaikan pengajian.

Setelah meneliti pendekatan pengajian hadith oleh institusi yang menawarkannya, hanya segelintir kecil sahaja yang mengaplikasikan metode hafazan dalam pengajian hadith. Namun berdasarkan pelaporan yang didapati, aspek hafazan itu juga tidak dibincangkan secara khusus dari segi keperluan dan kepentingannya. Secara umumnya, institusi pengajian hadith meletakkan matlamat pengajian hadith hanya bertumpu kepada kefahaman semata dan pengamalan melalui akhlak yang mulia (Fauzi et. al., 2010) tanpa penekanan khusus pada aspek hafazan. Sedangkan dalam literatur berkenaan, hafazan hadith telah diakui sebagai satu pengamalan penting oleh para salafus salih dan tokoh ternama dahulu selain hafazan al-Quran.

Kajian dilaporkan oleh Muhammad Arif, Mohd Khairul Nazin dan Ahmad Yunus (2017) menekankan kepentingan hafazan hadith sebagai salah satu amalan yang diterapkan oleh *para salafus salih*. Mereka bukan sahaja mengkaji dan memahami isi kandungan hadith, bahkan juga turut menghafal dan menjaga hadith-hadith yang dipelajari di dalam ingatan mereka. Hafazan hadith juga digariskan sebagai satu bentuk usaha penjagaan dan pemeliharaan hadith yang mempunyai kedudukan amat istimewa di sisi umat Islam. Selain itu, tradisi hafazan hadith juga merupakan satu usaha menghayati dan mendalamai ilmu hadith seterusnya membentuk kefahaman dan penguasaan ilmu yang lebih mantap.

Hafazan adalah amat berkait rapat dengan aspek kefahaman sesuatu ilmu. Justeru, pengajian hadith seharusnya dilengkapi dengan hafazan untuk memastikan pelajar dapat memahami dan menghayati sesuatu ilmu hadith itu dengan lebih mendalam. Hafazan dianggap penting kepada otak sebagaimana aktiviti fizikal penting kepada tubuh badan (Enamul Hoque, 2018). Jadi tidak hairanlah hafazan diiktiraf sebagai satu kaedah dan pengamalan yang penting dalam sistem pembelajaran Islam yang dipelopori oleh tokoh-tokoh Islam ternama terutamanya pada zaman kegemilangan Islam.

Kajian oleh Yusuf (2010) berkenaan sistem pembelajaran Islam juga mengiktiraf hafazan sebagai salah satu teori pembelajaran dalam sistem pembelajaran Islam yang telah diamalkan. Kaedah hafazan merupakan salah satu pendekatan kepada pembelajaran oleh tradisi bangsa Arab. Dinyatakan oleh Yusuf juga, kaedah hafazan adalah diiktiraf dan diterima secara meluas kerana dapat membantu kebolehan otak untuk belajar secara cepat dan menyimpan maklumat dalam masa yang singkat. Kaedah hafazan juga berkait rapat dengan pencapaian akademik yang cemerlang serta cara yang berkesan untuk perkembangan minda, penyerahan ilustrasi serta kebolehan berpidato. Kelebihan hafazan lebih menyerlah apabila pelajar cuba untuk memahami apa yang dipelajari melalui pengulangan dan hafazan. Pendapat ini juga disokong oleh Sabki dan Hardaker (2013) yang turut menggariskan kepentingan hafazan yang telah diajarkan kepada kanak-kanak dalam tradisi Islam sejak kecil lagi malah sebelum mereka pandai membaca atau menulis. Turut dijelaskan lebih lanjut oleh Enamul Hoque (2018) bahawa kaedah hafazan adalah cara pembelajaran yang terbukti berkesan dan berperanan penting dalam pengembangan otak tanpa mengira usia pelajar.

Dalam konteks pelajar sekolah tahfiz, maklumat mengenai hafazan hadith didapati amat baru dan sukar didapati dalam perbincangan literatur. Kajian-kajian mengenai pengajian hadith di Malaysia secara umum sememangnya ada dilaksanakan, namun amat sukar untuk mencari kajian yang memfokuskan kepada aspek hafazan hadith. Kajian-kajian hafazan hadith yang didapati seperti dilakukan oleh Muhammad Arif et. al. (2017) pula mengkhususkan kepada pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Selain itu, pengajian hadith di institusi yang melaksanakan metode hafazan pula adalah khusus kepada pengajian ilmu hadith semata dan terpisah daripada pendidikan tahfiz atau hafazan al-Quran. Dengan

kata lain, hubungan yang sangat erat antara hadith dengan al-Quran tidak ditekankan dan hafazan hadith serta al-Quran tidak dijalankan secara bersamaan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif sebagai kaedah utama pengumpulan data. Pelaksanaan metodologi kajian ini pula dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa pembinaan konstruk soal selidik dan fasa pelaksanaan tinjauan sebenar. Soal selidik keperluan dan kepentingan hafazan hadith yang mengandungi 6 item telah dibina sepenuhnya oleh pengkaji menggunakan maklumat daripada temu bual dan sorotan literatur. Kesahan instumen soal selidik telah didapati dengan merujuk kepada dua orang pakar metodologi penyelidikan pendidikan daripada Universiti Malaya. Satu kajian rintis kepada 30 orang responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel sebenar telah dijalankan bagi menentukan tahap kebolehpercayaan soal selidik melalui nilai *Cronbach Alpha*. Nilai *Cronbach Alpha* yang diperolehi bagi keenam-enam item adalah .911 yang boleh dikategorikan sebagai amat baik dan diterima menurut Fraenkel dan Wallen (2010).

Setelah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan, soal selidik telah diedarkan kepada kesemua sampel di dalam populasi iaitu 210 orang guru tahniz di 26 buah sekolah tahniz swasta berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kutipan semula soal selidik yang berjaya dikumpulkan adalah sebanyak 131 unit iaitu 62 peratus. Pendapat oleh Chua (2006) selaku pengamal statistik menyatakan bahawa 60 peratus adalah kadar pemulangan soal selidik yang mencukupi untuk dianalisis. Data mentah yang diperolehi dianalisis menggunakan program perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 25.0* secara deskriptif iaitu dengan mencari nilai min daripada nilai persetujuan yang dikumpulkan. Data seterusnya pula dipersembahkan dalam bentuk tahap persetujuan dan interpretasi bagi tujuan analisis dan perbincangan.

Dapatan dan Analisis Kajian

Secara umumnya kajian ini telah mendapat maklum balas yang amat positif daripada guru-guru tahniz mengenai keperluan hafazan hadith kepada pelajar tahniz. Jadual 1 menunjukkan min bagi setiap item, tahap persetujuan serta interpretasi yang didapati daripada maklumat yang dikumpulkan.

Jadual 1: Keperluan Hafazan Hadith

| No. | Item | Min | Tahap Persetujuan | Interpretasi |
|-------------------|--|-------------|----------------------|---------------------|
| 1 | Hafazan hadith membantu pelajar menghayati keperibadian Nabi Muhammad SAW | 4.65 | Sangat Tinggi | Sangat Perlu |
| 2 | Hafazan hadith mendorong pelajar untuk kasih kepada Nabi Muhammad SAW | 4.63 | Sangat Tinggi | Sangat Perlu |
| 3 | Hadith menerangkan apa yang dinyatakan di dalam al-Quran | 4.63 | Sangat Tinggi | Sangat Perlu |
| 4 | Hafazan hadith berperanan dalam pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar | 4.56 | Sangat Tinggi | Sangat Perlu |
| 5 | Kedua-dua hafazan hadith dan al-Quran diperlukan untuk pemantapan ilmu agama | 4.53 | Sangat Tinggi | Sangat Perlu |
| 6 | Hafazan hadith membantu pelajar untuk lebih memahami al-Quran | 4.27 | Tinggi | Perlu |
| Jumlah Min | | 4.55 | Sangat Tinggi | Sangat Perlu |

Analisis secara umum dapat dilakukan melalui jumlah min yang didapati daripada kesemua enam item iaitu 4.55. Jumlah min tersebut dapat dikategorikan dalam tahap persetujuan yang “sangat tinggi” serta interpretasi “sangat perlu”. Daripada keenam-enam kepentingan hafazan hadith yang digariskan, lima item telah dinilai sebagai mempunyai tahap persetujuan “sangat tinggi” dan interpretasi “sangat perlu”. Dapatkan positif ini menggambarkan majoriti responden menilai hampir kesemua item dengan amat tinggi serta amat bersetuju dengan idea hafazan hadith kepada pelajar tahniz sebagai satu keperluan dan berkepentingan.

Item “hafazan hadith membantu pelajar menghayati keperibadian Nabi Muhammad SAW” didapati mendapat nilai min dan tahap persetujuan tertinggi berbanding item lain (4.65). Item ini diikuti pula dengan item “hafazan hadith mendorong pelajar untuk kasih kepada Nabi Muhammad SAW” sebagai kedua tertinggi dengan nilai min yang sangat hampir dengan item pertama (4.63). Dapatkan ini menunjukkan bahawa kepentingan hafazan hadith yang berorientasikan kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW dinilai sebagai paling signifikan dikalangan semua item.

Selain itu, antara item yang mendapat persetujuan tertinggi juga adalah item yang menekankan hubungan erat antara hadith dan al-Quran seperti “hadith menerangkan apa yang dinyatakan di dalam al-Quran”, serta “kedua-dua hafazan hadith dan al-Quran diperlukan untuk pemantapan ilmu agama” yang turut dikategorikan dalam tahap persetujuan “sangat tinggi” serta interpretasi “sangat perlu”. Item “hafazan hadith membantu pelajar untuk lebih memahami Al-Quran” pula mempunyai nilai min yang paling rendah daripada kesemua item, namun tidak dinafikan masih berada pada tahap persetujuan “tinggi” dan diinterpretasikan sebagai “perlu” sebagai salah satu kepentingan hafazan hadith.

Bahagian dapatan ini menunjukkan bahawa hafazan hadith adalah amat diperlukan berdasarkan beberapa kepentingan khusus. Daripada penilaian responden, keenam-enam item yang telah digariskan kesemuanya dipersetujui sebagai keperluan hafazan hadith dengan meletakkan item “hafazan hadith membantu pelajar menghayati keperibadian Nabi Muhammad s.a.w” sebagai matlamat paling utama tanpa menolak item “hafazan hadith membantu pelajar untuk lebih memahami al-Quran” yang masih mendapat tahap persetujuan “tinggi” walaupun mendapat nilai min paling rendah dikalangan semua item.

Perbincangan

Hadith merupakan “gambaran kehidupan, pemikiran, tingkah laku, akhlak Rasullullah” (Nurul Izzati & Nazirmuddin, 2011, p. 2). Bertepatan dengan hujah bahawa proses pengulangan untuk menghafal membawa kefahtaman yang lebih mendalam (Yusuf, 2010), jelaslah bahawa penghayatan ilmu hadith mampu menjadikan pelajar lebih memahami setiap satu ciri peribadi dan gaya hidup Rasulullah SAW. Keperibadian dan akhlak mulia baginda SAW semestinya penting untuk diselami oleh pelajar tahniz bagi membentuk jati diri yang unggul. Bukan itu sahaja, kefahtaman ini pula bakal mendorong cinta dan kasih kepada Rasulullah. Nilai kecintaan inilah yang amat berharga bagi membentuk ciri-ciri seorang Muslim yang patuh kepada Allah serta mengamalkan sunnah rasul-Nya dalam kehidupan seharian. Saidatina Aishah apabila ditanya menjelaskan bahawa akhlak Rasulullah ialah al-Quran. Penyataan tersebut tidak lain menunjukkan bahawa hafazan hadith berperanan penting dalam pembentukan akhlak dan sahsiah seorang pelajar tahniz. Perbuatan, kata-kata dan tingkah laku Rasulullah SAW setiap satunya tergambar melalui al-sunnah yang ditinggalkan. Justeru, pendedahan ilmu as-sunnah inilah yang mampu membawa kepada pembentukan akhlak dan sahsiah mulia yang sebenarnya.

Sebagaimana memahami penyataan bahawa akhlak Rasulullah ialah al-Quran, tidak dinafikan penghayatan ilmu hadith yang sebenarnya juga mampu membawa pelajar kembali kepada pelajaran al-Quran. Bertepatan dengan pendapat al-Imam Muhammad ibn Idris al-Shafi'i (meninggal 204H), al-Quran dan al-Hadith keduanya adalah saling berkait dan penguasaan al-Quran adalah tidak lengkap

tanpa penghayatan al-Hadith. Beliau turut menjelaskan antara peranan penting hadith adalah untuk menerangkan persoalan yang kabur di dalam al-Quran serta mengkhususkan hal-hal yang disebut secara umum di dalam al-Quran. Hakikatnya, perkaitan inilah yang menyokong bahawa hafazan hadith adalah satu keperluan bagi pelajar tahfiz untuk bergerak seiring dengan hafazan al-Quran.

Hafazan al-Quran adalah teras utama dalam kurikulum pendidikan tahfiz. Penghayatan al-Quran yang sebenarnya itulah yang akan melahirkan penghafaz yang berkualiti. Penambahan elemen ilmu lain sebagai satu bentuk gabungan dengan hafazan al-Quran seperti tahfiz sains, tahfiz turath, tahfiz dini dan tahfiz kemahiran merupakan satu cadangan yang baik bagi memenuhi keperluan masyarakat yang dinamik. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa para pendidik harus sentiasa bermuhasabah dalam menentukan ilmu mana yang lebih penting untuk dikuasai pelajar khususnya untuk memantapkan hafazan al-Quran. Melalui kajian ini, telah ditekankan bahawa ilmu hadith adalah kedua terpenting selepas al-Quran dan keduanya saling berkait secara rapat. Kajian ini juga telah menggariskan enam keperluan yang khusus bagi menjelaskan keperluan hafazan hadith secara umum. Justeru, penulis mendapati bahawa hafazan hadith adalah satu pengamalan yang amat sesuai dipraktikkan oleh pelajar tahfiz bagi mengukuhkan lagi nilai ilmu agama dalam diri pelajar seterusnya mencapai matlamat melahirkan pelajar tahfiz yang cemerlang sebagai satu aset penting kepada negara.

Kesimpulan

Kajian ini merupakan satu bentuk perbincangan mengenai aspek hafazan hadith dalam konteks pendidikan tahfiz semasa. Kajian ini mendapatkan maklumat daripada guru agama di sekolah tahfiz di Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi mengenalpasti keperluan dan kepentingan hafazan hadith kepada pelajar sekolah tahfiz. Dapatan umum kajian ini dapat dikategorikan sebagai sangat positif. Rata-rata responden bersetuju dan menerima hafazan hadith sebagai satu keperluan kepada pelajar tahfiz berdasarkan beberapa kepentingan khusus. Kepentingan hafazan hadith kepada pelajar tahfiz yang berorientasikan kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW didapati paling signifikan. Responden amat bersetuju bahawa menghafal hadith adalah satu jalan untuk mendekati peribadi Rasulullah SAW serta menambahkan kecintaan kepada baginda. Kepentingan lain yang menekankan hubungan rapat hadith dan al-Quran juga didapati telah mendapat persetujuan tinggi. Dalam skop pendidikan dan pelajar sekolah tahfiz, hafazan hadith seharusnya bergerak seiring dengan hafazan al-Quran bagi mengukuhkan lagi ilmu agama seorang pelajar tahfiz selain menghasilkan penghayatan yang menyeluruh. Perbincangan daripada kajian ini menggambarkan hafazan hadith mempunyai keperluan bagi pelajar sekolah tahfiz secara umum dan khusus. Hasil yang didapati ini juga menunjukkan idea penambahan elemen hadith dalam pendidikan tahfiz dipandang baik oleh tenaga pengajar sekolah tahfiz selaku responden kajian. Dapatan serta diskusi kajian ini dapatlah diimplikasikan sebagai asas kepada kajian lanjutan mengenai hafazan hadith bagi pelajar sekolah tahfiz dalam arus pendidikan semasa. Dorongan ini diharap dapat menambah skop hafazan hadith yang masih baru ke dalam perbincangan literatur terutamanya dalam realiti pendidikan tahfiz. Kajian berfokus ini memilih Kuala Lumpur dan Putrajaya sebagai lokasi kajian berdasarkan beberapa justifikasi tertentu seperti kawasan bandaraya, lokasi tertubuhnya institusi tahfiz secara formal yang pertama di Malaysia, dan bilangan institusi tahfiz yang sangat banyak didaftarkan. Namun tidak dapat dinafikan, negeri-negeri lain seperti negeri Kelantan yang digelar serambi Mekah, serta Terengganu juga mempunyai sejarah dan perkembangan tahfiz yang amat cemerlang dan signifikan. Justeru, kajian ini mencadangkan agar kajian lanjutan pada masa akan datang boleh dilaksanakan di negeri-negeri lain seperti berikut agar selari dengan usaha melahirkan lebih ramai modal insan huffaz yang cemerlang.

Acknowledgement

The authors would like to acknowledge Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) given by the Ministry of Education Malaysia (FRGS/1/2018/SSI09/UM/02/12) for the financial support given.

References

- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia. McGraw Hill.
- Enamul Hoque, M. (2018). Memorization: A Proven Method of Learning. *International Journal of Applied Research*, 22(3), 142-150.
- Fauzi, D., Ishak, H. S., & Faisal, A. S. (2010). *Pengajian hadith di Malaysia: tokoh, karya dan institusi*. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Fraenkel, J., R., & Wallen, N., E. (2010). *How to design and evaluate research in education*. (7th ed.). McGraw-Hill, New York: NY.
- Mohd Army, Y. (2011). *Pengajian Hadith di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur/Mohd Army bin Yusop* (Doctoral thesis, University of Malaya).
- Muhammad Arief, Y., Mohd Khairul Nazin, M. N., & Ahmad Yunus, M. N. (2017). Pendekatan hafazan hadis di Universiti Islam Madinah: Kajian terhadap pelajar selain kuliah hadis. *Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, Vol. 21(August) 2017, 75-87.
- Nurul Izzati, N & Nazirumuddin, A. (2011). Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisis Dari Perspektif Al-Hadis. *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa, Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD)*, 1-14. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Portal Maklumat Pendidikan Islam. (2019). *Semakan Maklumat Sekolah/ Kafa*. https://simpeni.islam.gov.my/simpeniv2/index.php?pages=pages/semanek_sekolah (Accessed: 4 Nov 2019)
- Qutrennada, R., & Ahmad Yunus, M., N. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Maahad Darul Hadis Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswa Zah Pengajian Islam (KASPI)*, 8.
- Sabki, A. I. A., & Hardaker, G. (2013). The madrasah concept of Islamic pedagogy. *Educational Review*, 65(3), 342-356.
- Yusuf, M. (2010). Memorization as a learning style: A balance approach to academic excellence. *OIDA International Journal of Sustainable Development*, 1(6), 49-58.
- Zulkifli, M. Y., Noor Naemah, A. R., Nor 'Azzah, K., Nor Aini, A., Norhayati, H. H., Naeimah, R. (2018). Trend Masyarakat Terhadap Pendidikan Tahfiz. *Ke Arah Pengiktiran Huffaz di Malaysia*, 38-80. Terbitan Centre of Quranic Research, dengan kerjasama Darul Quran Jakim. Retrieved from: [http://www.darulquran.gov.my/xs/dl.php?filename=Ke%20Arah%20Pengiktiran%20Huffaz%20Di%20Malaysia%201%20\(BM\).pdf](http://www.darulquran.gov.my/xs/dl.php?filename=Ke%20Arah%20Pengiktiran%20Huffaz%20Di%20Malaysia%201%20(BM).pdf)
- Siti Zubaidah, M. I., & Mohamad Naufal, M. (2017, November 15). *Empat model kurikulum institusi tahfiz yang kerajaan rangka untuk masa depan pelajar, GPS Bestari*. <https://www.gpsbestari.com/berita/kuala-lumpur/ini-empat-model-kurikulum-institusi-tahfiz-yang-kerajaan-rangka-untuk-masa-depan-pelajar-1.757491> (Accessed: 5 April 2019)
- Dalia, I. (2018, October 25). 'Dasar Pendidikan Tahfiz Negara perlu segera dibentang ke cabinet', *Malaysia Dateline*. <https://malaysiadateline.com/dasar-pendidikan-tahfiz-negara-perlu-segera-dibentang-ke-kabinet/> (Accessed: 25 Feb 2019)
- Mohd Anwar, P. R. (2018, November 28). 'Majlis Tahfiz Negara Ditubuhkan Tahun Depan', *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/502948/majlis-tahfiz-negara-ditubuhkan-tahun-depan> (Accessed: 25 Feb 2019)
- Nurul Huda, H. (2019, November 6). 'Majlis Tahfiz Negara Bakal Dilancar Tahun Depan', *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/55904/BERITA/Nasional/Majlis-Tahfiz-Negara-bakal-dilancar-tahun-depan> (Accessed: 30 May 2020)